

12 AUG 1998

Mahathir-keselamatan

TIADA TANDA KEGIATAN KEGANASAN DI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tidak ada tanda mengenai sebarang kegiatan pengganas di Malaysia.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan Malaysia sentiasa sedia memberi kerjasama kepada Kedutaan Amerika untuk meningkatkan keselamatan di tempat-tempat yang mempunyai kepentingan negara itu di Malaysia.

Beliau diminta mengulas kenyataan Jabatan Negara Amerika Syarikat semalam yang menamakan Malaysia, Mesir dan Yaman sebagai negara-negara yang mempunyai ancaman kepada kepentingan Amerika ekoran serangan bom di kedutaan negara itu di Kenya dan Tanzania minggu lepas.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab kenapa Jabatan Negara Amerika Syarikat perlu memberi amaran mengenai ancaman kepada kepentingan Amerika di sini.

"Saya tidak nampak sebarang sebab kerana kita boleh lihat bahawa tidak ada apa-apa tanda mengenai kegiatan pengganas di Malaysia. Dengan menumpu kepada Malaysia, mungkin menyebabkan beberapa negara lain yang tidak disangka boleh berlaku diketepikan, seperti di Tanzania dan Kenya," katanya.

Seorang pegawai Kedutaan Amerika di sini berkata keselamatan sekitar bangunan kedutaan itu telah dipertingkatkan dengan bantuan polis Malaysia.

"Kami bukannya bimbang ancaman daripada rakyat Malaysia. Yang kami khuatir ialah rakyat asing yang mungkin masuk ke Malaysia," kata Kuasa Usaha Akhbar James A. Warren kepada AFP hari ini.

Apabila pemberita berkata bahawa kenyataan itu dikeluarkan oleh kerajaan Amerika, Dr Mahathir menjawab : "Saya tidak dapat mengulas kerana ia sesuatu yang amat sensitif. Kita tidak boleh berkata apa-apa kerana ia mungkin disalah tafsir."

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan memberi kerjasama kepada Kedutaan Malaysia, beliau berkata : "Jika mereka berpendapat mereka dalam bahaya, mereka boleh meminta perlindungan dan kita sedia memberi."

-- BERNAMA

MAM MAI